

Jalen sumbang hamper meriahkan Pesta Konvo USIM

RASAH 30 Nov. - Syarikat Jalen Sdn. Bhd. hari ini menyerahkan 20 hamper berupa barangan bahan makanan jenama syarikat tersebut khusus untuk Pesta Konvo Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai yang bermula esok.

Menurut Pengurus negeri, Ibrahim Abdul Hamid, tajaan berkenaan merupakan salah satu usaha pihaknya dalam memeriahkan lagi pesta berkenaan selain memperkenalkan jenama dan produk berkenaan kepada orang ramai.

"Ini merupakan salah satu usaha berterusan pihak kami dalam meneruskan kerjasama pintar dengan semua pihak dalam menjayakan program yang dianjurkan oleh mana-mana pihak termasuklah institusi pengajian tinggi di negara ini.

"Inisiatif ini juga merupakan sebahagian daripada aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihak syarikat dan akan terus dilaksanakan pada masa akan datang," katanya.

Ibrahim berkata demikian kepada Utusan Malaysia selepas menyampaikan replika cek tajaan syarikat berkenaan sempena Pesta Konvo USIM di Taman Tasek Jaya Pusat Perindustrian, dekat sini, hari ini.

Pada majlis berkenaan, Ibrahim menyerahkan replika cek berkenaan kepada Eksekutif Cawangan Zon Tengah Empat, Shahri Harun dan disaksikan Eksekutif Jualan Zon Tengah 1, Zai-

Pesta
KONVO
Utusan Malaysia Mingguan
1-4 Disember 2011
Stadium Tertutup Nilai
HARI INI

rina Lubis Nordin.

Pesta Konvo USIM yang bermula esok sehingga 4 Disember ini akan menyaksikan pelbagai aktiviti menarik termasuk pameran kereta, karnival kerjaya, pertandingan nasyid, futsal, mewarna serta bola jaring yang turut menawarkan hadiah wang tunai.

Bagi memeriahkan lagi sambutan pesta tersebut, sebanyak 140 gerai jualan akan dibuka kepada para pengunjung. Lebih menarik, pesta ini turut menyaksikan Kumpulan Utusan menganjurkan konsert Pancaindra, pertandingan memancing dan karaoke.

Ini merupakan kerjasama yang dijalinkan oleh pihak Kumpulan Utusan yang julung kali diadakan bagi menjayakan Pesta Konvo-kesyen USIM Kesembilan.